

DATE: 21 / 3 / 2010

Rumah kelahiran PM dijadikan muzium warisan sejarah

KUALA LIPIS: Rumah kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Bukit Bius, di sini akan dijadikan Muzium Warisan Sejarah Kuala Lipis tidak lama lagi.

Yang Dipertua Majlis Daerah Lipis (MDL), Datuk Abu Jamal Nordin, berkata hampir RM1 juta dibelanjakan untuk konservasi rumah berkenaan sejak 13 November 2007 dan siap pada 12 Mei 2008.

Bagaimanapun, katanya, kos tambahan sebanyak RM640,000

diperlukan untuk kerja akhir melengkapkan muzium itu.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat mengenai bekas rumah kediaman Setiausaha Kerajaan (SUK) Pahang kepada Perdana Menteri di sini, semalam.

Turut hadir pada sesi taklimat itu ialah isteri dan ibu Najib, Datin Seri Rosmah Mansor serta Tun Rahah Mohd Noah.

Pengisian muzium itu antara lain ialah sejarah daerah Lipis,

sejarah bangunan, sejarah penjajahan British, sejarah Kesultanan Melayu Pahang, tokoh politik daerah, pejuang kemerdekaan daerah, makanan tradisional dan sejarah perlombongan emas Lipis.

Rumah banglo dua tingkat yang dibina sekitar 1920-an itu adalah kediaman rasmi Almarhum Tun Abdul Razak Hussein ketika beliau menjawat jawatan SUK Pahang.

Sementara itu, empat generasi warga Kuala Lipis menyerahkan

warkah penghargaan kepada Perdana Menteri, sebagai tanda menghargai sumbangan kerajaan terhadap penduduk luar bandar.

Bekas guru, Abdul Hamid Abdul Rahman, 86, dari Kampung Paya Perah, Penjom dekat sini bersama anak, cucu dan cicitnya mewakili empat generasi penduduk luar bandar berbuat demikian sebagai tanda penghargaan kerana menikmati pelbagai pembangunan yang dilaksanakan kerajaan.